Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Cari formula mujarab atasi isu pelajar tolak aliran Sains Tulen

April 24, 2024 @ 7:55am

Minda Pengarang

KEMEROSOTAN berterusan jumlah pelajar yang mahu mengikuti jurusan atau mengambil **subjek Sains Tulen** dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) boleh disifatkan sebagai amat membimbangkan dan fenomena tidak sihat dalam pendidikan negara.

Ketika dunia semakin dikuasai dengan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), arus digitalisasi dan globalisasi pula terus berkembang, kerajaan patut berada dalam 'mode berjaga-jaga' jika anak watannya menunjukkan kecenderungan tidak berminat dengan Sains Tulen kerana boleh menjadi petanda keruntuhan sesebuah bangsa serta negara.

Pasti ada kelompangan dan kelemahan yang wujud terhadap dasar pendidikan negara serta pelaksanaannya jika jumlah pelajar mengikuti jurusan **Sains Tulen** semakin rendah daripada sasaran mengikut nisbah 60 peratus pelajar jurusan sains dan 40 peratus aliran sastera atau vokasional.

Antara elemen yang tidak mendorong pelajar memilih aliran sains ialah mereka diberi kebebasan memilih bidang diminati selepas Tingkatan Tiga mulai 2017, tanpa perlu berdasarkan keputusan peperiksaan lagi. Adakah ini hasil yang hendak dituai apabila sistem pendidikan negara mengalami liberalisasi?

Apatah lagi jurusan **Sains Tulen** dilihat sebagai 'aliran pendidikan menakutkan' bagi pelajar kerana dimomokkan ia subjek sukar dipelajari, difahami dan hendak lulus dalam SPM. Lebih menyedihkan apabila timbul pula dakyah mengatakan Sains Tulen tidak menjanjikan peluang kerjaya serta gaji lumayan setimpal dengan pengorbanan masa, tenaga dan akal untuk belajar.



Kerajaan disaran mengambil langkah sewajarnya bagi menarik minat pelajar mengikuti aliran Sains Tulen. - Foto hiasan

Perkembangan membimbangkan melanda dunia pendidikan menengah negara ini perlu diteliti dan dikaji secara holistik memandangkan ia bukan sahaja menentukan hala tuju Malaysia pada masa depan, bahkan menjadi faktor penting kejayaan pelbagai dasar baharu kerajaan terutama berkaitan dengan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) negara.

Namun, sekarang bukan masanya untuk menuding jari mencari kesalahan atau kelemahan mana-mana pemimpin atau kerajaan dalam melaksanakan dasar pendidikan dirancang, sebaliknya masa untuk mewujudkan pelan intervensi segera menangani masalah berlaku ini.

Jika benar wujud kelemahan dari sudut struktur, tenaga pengajar, aset dan keperluan pendidikan, silibus dan pedagogi atau sikap serta mental pelajar, ia memerlukan ubat paling mujarab dan kaedah perubatan yang tepat untuk memulihkannya.

Pendekatan 'mencegah lebih baik berbanding merawat' mungkin perlu dilaksanakan kerajaan, khasnya Kementerian Pendidikan bersama pemegang taruh, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat untuk memastikan bidang teras kemajuan negara ini tidak mengalami kecacatan kekal sehingga sukar dipulihkan.

Berada dalam dunia tanpa sempadan dan maklumat dapat diperoleh di hujung jari, kaedah serta pendekatan pengajaran dan pendidikan mungkin memerlukan anjakan baharu, kursus pengajian melahirkan pendidik ditambah baik dengan dipenuhi elemen teknologi kepintaran buatan (AI) yang semakin menguasai cara hidup manusia.